



Kepada Semua Ketua Jabatan Negeri,
PULAU PINANG.

SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 5 TAHUN 2009

*Tambahan Kepada Surat Pekeliling Kewangan Negeri
Bil. 1 Tahun 2009 : Pengurusan Bajet Tahun 2009
– Kelulusan Oleh Pegawai Pengawal*

Tujuan

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Pegawai Pengawal mengenai tambahan kepada perkara-perkara yang telah digariskan dalam Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 1 Tahun 2009 : Pengurusan Bajet 2009 mengenai beberapa peraturan yang diberi kelonggaran untuk diluluskan oleh Pegawai Pengawal.

Latar Belakang

2. Selaras dengan pelaksanaan Sistem Belanjawan Diubahsuai, tanggungjawab pengurusan kewangan sesabuah jabatan adalah terletak sepenuhnya kepada Pegawai Pengawal. Bagi Negeri Pulau Pinang, pelaksanaan Sistem Belanjawan Di Ubahsuai telahpun bermula sejak tahun

2002. Namun demikian tidak semua kelulusan berkaitan perbelanjaan sesabuah jabatan diserahkan kepada Pegawai Pengawal disebabkan masih terdapat segelintir Ketua Jabatan Negeri pada masa tersebut yang belum bersedia untuk memikul tanggungjawab pengurusan kewangan sepenuhnya. Hakikat ini dapat dilihat menerusi penemuan oleh pasukan naziran negeri dan teguran-teguran audit yang diterima dan berulangan di peringkat awal pelaksanaan Sistem Belanjawan Di Ubahsuai. Sehubungan itu, kawalan masih perlu dibuat oleh Jabatan Kewangan Negeri dan kelonggaran diberikan kepada Pegawai Pengawal secara berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian keadaan.

3. Berikutan daripada usaha gigih di semua peringkat Jabatan Negeri, Pulau Pinang kini mampu menyiapkan Penyata Kewangan sebaik sahaja berakhir sesuatu tahun kewangan, mengemukakan ke Jabatan Audit Negara Penyata Kewangan pada awal bulan Januari tahun berikutnya dan juga telah berjaya memperolehi Sijil Bersih selama 6 tahun berturutan. Pada masa kini terdapat kemajuan dalam pengurusan kewangan di kalangan Jabatan-jabatan Negeri yang mana antaranya termasuklah penambahbaikan yang dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Negeri setiap suku tahun serta pelaksanaan sistem SPEKS yang membolehkan pemantauan secara *online* dibuat sendiri oleh Pegawai Pengawal. Berikutan itu sudah sewajarnyalah dari semasa ke semasa, proses kerja dalam pengurusan kewangan disemak semula dan diringkaskan iaitu termasuk memberikan kelonggaran kepada Pegawai Pengawal untuk meluluskan beberapa peraturan berkaitan urusan perbelanjaan di jabatan masing-masing tanpa lagi merujuk kepada Jabatan Kewangan Negeri untuk kelulusan.

Kelulusan Pegawai Pengawal Ke atas Pembelian Aset

4. Bagi pengurusan Bajet Tahun 2009, Pegawai Pengawal adalah diberikan kelulusan untuk membuat pembelian ke atas item aset baru menggantikan item yang telah diluluskan dalam Bajet tanpa perlu lagi merujuk kepada Pegawai Kewangan Kewangan Negeri tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
- i) Proses semakan dan penyenaraian semula bagi menentukan keutamaan perbelanjaan telahpun dibuat oleh jabatan ke atas senarai aset yang telah diluluskan dalam Bajet tahun 2009 termasuk menyediakan justifikasi bagi pembelian item aset baru sebagai gantian.
 - ii) Pembelian item aset baru tidak melibatkan keperluan bagi tambahan peruntukan untuk aset.
 - iii) Pindah peruntukan daripada Objek Sebagai lain kepada Objek Am 30000 tidak dibenarkan dibuat semata-mata bagi tujuan pembelian item aset baru tersebut.
 - iv) Satu salinan senarai aset baru yang diluluskan oleh Pegawai Pengawal berserta dengan senarai aset yang dibuat penggantian hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Jabatan Kewangan Negeri bagi tujuan pemantauan dan rekod. Senarai ini hendaklah dikemukakan pada setiap akhir bulan sebaik sahaja kelulusan telah diberikan oleh Pegawai Pengawal.

Kelulusan Bagi Mengadakan Kursus/Latihan/Bengkel

5. Permohonan bagi mengadakan kursus/latihan/bengkel oleh mana-mana jabatan sebelum ini adalah perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Kewangan Negeri. Namun demikian mulai sekarang permohonan tersebut bolehlah diluluskan oleh Pegawai Pengawal tanpa perlu merujuk kepada Jabatan Kewangan Negeri dan menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal untuk memastikan bahawa perbelanjaan bagi mengadakan kursus/latihan/bengkel tersebut dibuat mengikut kadar kelayakan seperti mana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling dan Surat Pekeliling Perpendaharaan berkaitan. Satu laporan mengenai butir-butir kursus yang dijalankan serta perbelanjaan terlibat hendaklah disediakan dan dikemukakan satu salinan kepada Jabatan Kewangan Negeri untuk tujuan rekod dan pemantauan.

Pelaksanaan Kerja-kerja Khas Semasa Bencana

6. Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil 15 Tahun 2008 telah menetapkan bahawa bagi pelaksanaan kerja bernilai lebih daripada RM20,000.00, proses perolehan hendaklah dibuat secara sebut harga. Namun demikian bagi kerja-kerja khas yang perlu dilaksanakan semasa berlakunya bencana, Kerajaan Negeri telahpun memberikan kebenaran khas kepada Pegawai Pengawal untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut walaupun kos kerja terlibat bernilai lebih daripada RM20,000. Kebenaran ini hanya diberikan kepada Pegawai Pengawal sahaja dan dengan demikian sekiranya bencana tersebut berlaku di peringkat daerah, ketua-ketua pejabat/cawangan yang berkenaan hendaklah memastikan bahawa kelulusan untuk menawarkan kerja-kerja tersebut tanpa melalui proses sebut harga telahpun diperolehi daripada Pegawai Pengawal masing-masing.

7. Satu salinan laporan mengenai butir-butir projek dan perbelanjaan yang dibuat berkaitan pelaksanaan kerja-kerja khas semasa bencana hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Jabatan Kewangan Negeri untuk tujuan rekod dan pemantauan.

Peruntukan dan Perbelanjaan Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK)

8. Bagi jabatan-jabatan yang menggunakan peruntukan di bawah Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan, perbelanjaan yang dibuat hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal yang di mana peruntukan ini disediakan. Perbelanjaan hanya boleh dibuat ke atas aktiviti-aktiviti yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa MMK /Y.B. Pengerusi Jawatankuasa MMK berkenaan dan perbelanjaan yang dilakukan itu hendaklah dibuat dengan mematuhi peraturan kewangan sedia ada.


Tarikh Kuatkuasa

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(SUPIAH BINTI MD. YUSOF)

Pegawai Kewangan Negeri,
Pulau Pinang.

Tarikh : 20 Februari 2009

s.k. Y.A.B Ketua Menteri

Y.B Setiausaha Kerajaan